

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (SURAT PEMBACA)

TARIKH: 13 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 58

## SWCorp ambil tindakan jika longgok sisa pepejal

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengambil perhatian masalah pembuangan sisa di kawasan sungai berhampiran Kampung Abdullah Mantin di Seremban, Negeri Sembilan.

Berita mengenainya disiarkan akhbar *BH* pada 5 Disember lalu, bertajuk 'Longgok sampah tepi sungai.'

Berdasarkan siasatan dijalankan, longgokan sisa pepejal yang terdapat di lokasi itu adalah hasil daripada pembersihan sesuatu kawasan dan kebanyakannya adalah kayu-kayan.

Ini adalah berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab pihak tertentu, yang menjadikan kawasan itu sebagai lokasi pelupusan secara haram.

Sebagai langkah pencegahan awal, pihak SWCorp akan melancarkan pemantauan di kawasan itu secara berkala.

Untuk makluman, pihak SWCorp juga akan membuka kertas siasatan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), bagi membolehkan penyiasatan dilakukan secara terperinci bagi mencari pesalah kepada aktiviti

melonggok sisa pepajal di kawasan yang tidak dibenarkan.

Lawatan Pengarah SWCorp Negeri Sembilan pada Jumaat lalu, sudah memberi amaran secara lisan kepada pemilik tanah untuk memastikan tiada lagi longgokan sisa pepejal yang tidak dibenarkan di kawasan itu, bagi memudahkan urusan siasatan dilakukan.

Justeru, SWCorp menasihatkan semua pemilik tanah supaya tidak membenarkan aktiviti melonggok sisa pepejal di tanah milikan mereka, kerana ia satu kesalahan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pe-

pejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Melaluinya, mereka yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000

atau penjara tidak kurang enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

*SWCorp Negeri Sembilan*



Keratan akhbar *BH* 5 Disember lalu.